

MATRIKS SOALAN-SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS - FAQ)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah yang dimaksudkan dengan inisiatif Bagi Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Baharu Berteraskan Hasil Pembelajaran.	Pelaksanaan model kurikulum memandu baharu yang telah dikemaskini dan ditambahbaik terutama dari aspek keberkesannya dalam menyediakan satu sistem latihan memandu bagi menghasilkan satu generasi baru pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan memiliki budaya pemanduan selamat.
2	Apakah rasional inisiatif Pelaksanaan KPP Baharu Berteraskan Hasil Pembelajaran?	Rasionalnya ialah: i. Untuk menyediakan kaedah pembelajaran memandu yang lebih berstruktur dan berkesan dalam menghasilkan pemandu kompeten; ii. Untuk meningkatkan kualiti latihan pemanduan dan sistem ujian memandu; iii. Untuk diselaraskan dengan perkembangan drastik industri permotoran dan rangkaian sistem jalan raya bagi tujuan menangani peningkatan kadar kemalangan jalan raya dan ragam pemandu yang semakin kompleks di negara ini; dan iv. Untuk memenuhi keperluan intervensi dan advokasi keselamatan jalan raya di Malaysia dalam menghasilkan pemandu berkualiti.
3	Apakah objektif utama KPP Baharu Berteraskan Hasil Pembelajaran?	Untuk menghasilkan: <ul style="list-style-type: none"> • Pemandu yang mempunyai pengetahuan pemanduan selamat (kognitif) • Pemandu yang mempunyai kemahiran pemanduan selamat (psikomotor) • Pemandu yang menghayati budaya pemanduan selamat (afektif)
4	Apakah yang dimaksudkan Konsep KPP Baharu Berteraskan Hasil Pembelajaran?	Konsep asas pendidikan berasaskan hasil (<i>Outcome-Base Education- OBE</i>) lebih menjurus kepada perancangan dan hasil yang bakal diperolehi oleh setiap pelajar dalam setiap program yang diikuti. Setiap hasil pembelajaran menekankan pencapaian mengenai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dicapai semasa latihan dan ianya akan diaplikasi dalam pemanduan sebenar.
5	Apakah modul yang terlibat dalam penambahbaikan KPP Baharu Berteraskan Hasil Pembelajaran?	Modul KPP Baharu ini melibatkan kelas motosikal (A,B1,B2,B dan C) dan Motokar (A1,D&DA) termasuk pengenalan kepada latihan dan ujian bagi motokar transmisi automatik kelas D. Modul bagi motolori dan jentera berat (E,F,G,H &I) tidak termasuk di bawah pelaksanaan modul KPP Baharu ini.

6.	Apakah elemen utama di bawah pelaksanaan KPP Baharu berbanding KPP sedia ada?	Pengendalian kelas KPP dan Ujian Undang-Undang Bahagian 1 dibuat secara berasingan mengikut dua kumpulan kelas lesen iaitu kelas motosikal (A,B1,B2,B dan C) dan Motokar (A1,D,DA,E,F,G,H dan I).
7.	Apakah terdapat perubahan struktur latihan dan pengeluaran lesen?	Jumlah jam latihan memandu ditambah menjadi 22 jam melalui pelaksanaan modul KPP01/KPP02 dan KPP03. Lesen belajar memandu (LDL) akan dikeluarkan lebih awal iaitu selepas calon lulus ujian Undang-Undang Bahagian 1
8.	Adakah calon ujian perlu membeli buku teks KPP Baharu?	Ya. Setiap calon ujian wajib membeli buku teks KPP sebelum menghadiri Kursus KPP (KPP01) di Institut Memandu. Nombor siri buku teks KPP akan di <i>input</i> semasa urusan tempahan ujian dilakukan.
9.	Adakah calon dibenarkan untuk membeli buku teks KPP sendiri di Pejabat JPJ Negeri/Cawangan?	Calon perlu membeli buku teks KPP di Institut Memandu dan tidak dibenarkan untuk membeli secara terus di JPJ Negeri/Cawangan.
10	Adakah calon ujian perlu membeli buku teks KPP yang baru sekiranya telah berpindah lokasi latihan dan sebagainya?	Calon boleh menggunakan buku teks KPP yang sama sehingga lulus dengan syarat meneruskan kelas lesen yang sama.
13	Adakah terdapat pilihan kepada calon untuk mendapatkan buku teks KPP dan menduduki kelas KPP01 dalam versi bahasa Inggeris?	Buku teks KPP dikeluarkan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris. Kelas KPP01 juga ada dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Calon bebas memilih bahasa pilihan masing masing bagi tujuan berkenaan.
14.	Adakah pengajar Institut Memandu perlu membeli manual pengajar?	Semua pengajar memandu wajib membeli manual pengajar mengikut kelas SPIM masing-masing sebagai panduan mengendalikan pengajaran memandu dan boleh dibeli di JPJ Negeri/Cawangan.
15.	Adakah terdapat apa-apa perubahan kepada sistem ujian memandu sedia ada?	Ya. Ia melibatkan tambahan kepada elemen ujian di litar memandu sedia ada iaitu S-course, Z-course (motokar/motokar auto) dan tambahan elemen ' <i>ramp</i> ' (motokar auto). Bagi ujian motosikal, tambahan kepada elemen ' <i>bumpy course</i> ' di litar.
16.	Bila KPP berteraskan hasil pembelajaran ini akan dilaksanakan dan berkuatkuasa?	KPP berteraskan hasil pembelajaran ini akan dilaksanakan dan berkuatkuasa mulai 14 Julai 2014 di seluruh Negara.

17.	Bagaimana sekiranya calon yang telah memiliki kelas lesen PDL atau CDL yang berkuatkuasa dan hadir untuk menambah kelas lesen baharu selepas tarikh <i>cut over</i> (cth : kelas B sedia ada dan tambah kelas kepada D, F, G, H dan I)?	<p>Calon akan tertakluk kepada semua proses dan peraturan baharu bagi pelaksanaan KPP berteraskan hasil pembelajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Mendaftar permohonan tambah kelas mengikut kumpulan kelas lesen ■ Syarat mandatori memiliki buku teks KPP bagi kumpulan kelas yang dipohon ■ Menduduki kelas KPP 01 mengikut kumpulan kelas lesen ■ Ujian bahagian 1 mengikut kumpulan kelas lesen ■ Mendapat lesen LDL selepas lulus Ujian bahagian 1 bagi kelas yang ditambah ■ Menduduki latihan KPP02 dan KPP03 (kelas D sahaja) ■ Menduduki latihan praktikal 8 jam (kelas F, G, H dan I) ■ Ujian bahagian 2 dan 3 mengikut sistem ujian baharu (kelas D sahaja) ■ Ujian Praktikal (kelas F, G, H dan I)
18.	Bagaimana sekiranya calon yang tidak memiliki apa-apa kelas lesen memandu dan hadir mendaftar untuk mendapatkan lesen memandu mulai 14 Julai 2014 (selepas tarikh <i>cut over</i>)?	<p>Calon akan tertakluk kepada semua proses dan peraturan baharu bagi pelaksanaan KPP berteraskan hasil pembelajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Mendaftar permohonan baharu mengikut kumpulan kelas lesen ■ Syarat mandatori memiliki buku teks KPP bagi kelas yang dipohon ■ Menduduki kelas KPP01 mengikut kumpulan kelas lesen ■ Ujian bahagian 1 mengikut kumpulan kelas lesen ■ Mendapat lesen LDL selepas lulus Ujian bahagian 1 ■ Menduduki latihan KPP02 dan KPP03 ■ Ujian bahagian 2 dan 3 mengikut sistem ujian baharu
19.	Bagaimana sekiranya calon yang telah memiliki kelas lesen PDL atau CDL berkuatkuasa dan hadir untuk menambah kelas lesen baharu selepas tarikh <i>cut over</i> (cth: kelas D sedia ada dan tambah kelas kepada E, F, G, H, I)?	<p>Calon hanya tertakluk kepada proses dan peraturan baharu bagi pelaksanaan KPP berteraskan hasil pembelajaran seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Mendaftar permohonan tambah kelas mengikut kumpulan kelas lesen bagi pengeluaran LDL di kaunter JPJ ■ Tidak perlu memiliki buku teks KPP bagi kelas yang dipohon ■ Tidak perlu menduduki kelas KPP kerana persamaan kumpulan kelas ■ Tidak perlu menduduki ujian bahagian 1 ■ Bagi tambah kelas E, perlu menduduki kelas Pra-L sebelum mendapat LDL. Bagi tambah kelas F, G, H atau I tidak perlu menduduki kelas Pra-L ■ Menduduki latihan praktikal 8 jam. ■ Menduduki sesi pra-ujian bagi kelas E sahaja ■ Menduduki Ujian Praktikal

20.	Bagaimana sekiranya calon hanya memiliki lesen LDL dan masih sah berkuatkuasa dan hadir untuk menambah lesen LDL dalam kumpulan kelas yang berbeza pada 14 Julai 2014 (selepas tarikh <i>cut over</i>)?	Calon tidak perlu hadir kursus KPP 01 dan boleh meneruskan Kursus KPP 02 dan KPP 03 serta ujian memandu baharu bagi kelas yang dipohon walaupun tambah kelas yang berbeza kumpulan kelas lesen. Ini kerana LDL calon masih sah dan dikeluarkan sebelum tarikh <i>cut over</i> .
21.	Bagaimana sekiranya calon-calon yang memiliki LDL sebelum tarikh <i>cut over</i> tetapi masih belum selesai proses latihan dan ujian memandu?	Calon akan dibenarkan untuk menjalani latihan dan sistem ujian memandu sedia ada sehingga tempoh 30 September 2014 . Tempahan ujian akan dibenarkan dengan syarat LDL dikeluarkan sebelum tarikh <i>cut over</i> iaitu 14 Julai 2014.
22.	Bagaimana sekiranya calon memiliki LDL tetapi telah tamat tempoh dan hadir untuk mendaftar LDL pada 14 Julai 2014 (selepas tarikh <i>cut over</i>)?	Calon akan tertakluk kepada semua proses dan peraturan baharu bagi pelaksanaan KPP berteraskan hasil pembelajaran.
23.	Bagaimana sekiranya calon telah hadir KPP sebelum tarikh <i>cut over</i> tetapi belum membuat tempahan Ujian Bahagian 1 (Berkomputer / Lisan / Bertulis) atau Calon telah menghadiri kelas Pra-L dan belum memiliki LDL sebelum 14 Julai 2014?	Calon dibenarkan untuk membuat tempahan ujian untuk <i>multiple class</i> tanpa perlu hadir KPP 01 selagi rekod KPP masih sah dan perlu menduduki KPP02, KPP03 dan sistem ujian memandu baharu.
24.	Bagaimana sekiranya calon yang telah hadir KPP sebelum tarikh <i>cut over</i> dan keputusan Ujian Bah. 1 tiada/gagal? (Telah buat tempahan sebelum tarikh <i>cut over</i> tetapi GAGAL/Tidak Hadir)	Calon dibenarkan untuk membuat tempahan ujian untuk <i>multiple class</i> tanpa perlu hadir KPP01 selagi rekod KPP masih sah.
25.	Bagaimana sekiranya calon telah ada rekod Ujian Bah. 1 sebelum tarikh <i>cut over</i> tetapi masih belum hadir kursus Pra-L atau memohon LDL?	Bagi calon yang telah ada rekod Ujian Bah. 1 sebelum tarikh <i>cut over</i> , semasa permohonan LDL sistem akan papar semua kelas. Calon dibenarkan untuk memohon semua kelas

<p>26.</p>	<p>Calon telah tamat latihan praktikal pemanduan sebelum tarikh <i>cut over</i> date tetapi belum membuat tempahan Ujian Bah. 2 dan 3 <u>Atau</u> Calon telah gagal sebahagian atau keseluruhan ujian praktikal sebelum tarikh <i>cut over</i></p>	<p>Calon tidak perlu hadir kursus KPP02 dan KPP03 sebelum meneruskan dengan tempahan Ujian Bah. 2/3 dan menduduki ujian memandu lama (tempoh selesai adalah sehingga 30 September 2014).</p> <p>Calon boleh menggunakan SM4 lama yang disemak oleh pegawai JPJ semasa urusan tempahan ujian.</p>
<p>27.</p>	<p>Dimanakah saya boleh merujuk mengenai perkara ini sekiranya terdapat apa-apa persoalan dan kemusykilan?</p>	<p>Sebarang persoalan berhubung pelaksanaan perkara ini boleh dirujuk kepada JPJ melalui:</p> <p>Pusat Pengurusan Panggilan Jabatan (Call Center) ditalian 03-83159200 <u>Atau</u> Bahagian Pelesenan Pemandu, Ibu Pejabat JPJ di talian 03-88866426</p>